

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Nov./Dis.**

$2\frac{1}{4}$  jam

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

**1103/1** © 2012 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.


Huraikan pendapat anda tentang aktiviti-aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**AKTIVITI HARI KEBANGSAAN**

Persembahan Pentas



Pertandingan Melukis Potret



Menghias Kelas

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap tahun sekolah anda menganjurkan pelbagai program motivasi dan anda sering terlibat dalam program-program tersebut.

Berikan pendapat anda tentang faedah-faedah menyertai program motivasi.

- 2 Kebersihan kawasan sekitar penting untuk kesihatan dan kesejahteraan hidup. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir anggota masyarakat yang mengabaikan aspek kebersihan ini.

Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Menjaga Kebersihan Tanggungjawab Kita Bersama'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

3

*Gunakanlah bahasa kebangsaan kita  
Marilah amalkan ramai-ramai  
Bahasalah menyatukan kita semua  
Yakinlah bahasa jiwa bangsa.*

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada lirik lagu 'Bahasa Jiwa Bangsa'.

Huraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada negara kita.

- 4 Produk makanan halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai produk yang menjamin kebersihan dan kesuciannya.

Jelaskan kebaikan-kebaikan yang diperolehi melalui penghasilan produk makanan halal ini.

- 5 Peribahasa 'Air dicincang tidak akan putus' bermaksud bahawa hubungan kekeluargaan tidak akan terputus walaupun berlaku perselisihan faham antara anggota keluarga.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**